

DATE: **25 APRIL 2014 (FRIDAY)**

MEDIA: **UTUSAN MALAYSIA – MAJIKAN MALAYSIA RUGI LEBIH RM1 BILION- PG.09**

Pendedahan Jabatan Imigresen terhadap gejala pembantu rumah hilang

Amah lari, rugi RM1b

Laporan Khas

- Sebanyak 105,119 pembantu rumah warga asing dilaporkan melarikan diri daripada majikan sejak 2008 hingga tahun lalu.
- Ketika mendedahkan perkara itu, Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Bahagian Kawalan), Datuk Sakib Kusmi berkata, jumlah tersebut tidak termasuk kes-kes yang tidak dilaporkan kepada jabatan berkenaan berhubung kehilangan pembantu rumah yang dianggarkan 21,000 orang.
- Beliau berkata, akibat daripada perbuatan tersebut majikan di Malaysia dikatakan mengalami kerugian kira-kira RM1 bilion sejak 2008.
- Secara puratanya kira-kira 12,000 orang pembantu dilaporkan hilang setiap tahun dan seterusnya menyebabkan kesemua mereka menjadi pendatang asing tanpa izin (PATI).

Ada antara mereka menggunakan alasan lari kerana majikan terlalu garang, lari kerana cinta dan kebebasan, lari kerana tidak mahu pulang setelah kontrak tamat dan banyak lagi alasan lain yang kadang kala tidak masuk akal.

DATUK SAKIB KUSMI
Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Bahagian Kawalan)

BERITA PENUH DI MUKA 9

Nalla sekali lagi desak Anwar mohon maaf »14



NAJIB Tun Razak berjabat tangan dengan pelajar-pelajar pondok pada Majlis Penutupan (Irtimak Pondok Malaysia 2014, di Dewan Seri Meraloon, Alor Setar, Kedah, semalam. -UTUSAN/SAFRIZAL AZMI

Kerajaan tidak tolak hudud

- Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan kerajaan tidak pernah menolak hudud sebagai hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT.
- Bagaimanapun tegas Perdana Menteri, banyak kekangan dan keutamaan yang perlu diselesaikan dan diperhalusi sebelum hukum hudud itu dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan matlamat hukum yang sebenar.
- Tegas beliau, kerajaan menyokong niat baik pihak mana sekalipun untuk melaksanakan hukum hudud tetapi ia perlu mengambil kira hal-hal lain yang menuju ke arah Islam sejati.

BERITA PENUH DI MUKA 3

hits
Adeline kurus dalam 3 bulan

Suspek bertatu harimau tembak polis diberkas
-> MUKA 6

Hari Ini
Ruh!
Kerajaan Menganalisis Isu-Isu Ekonomi

25-27 April 2014
Presint 2, Monumen Alaf Baru, Putrajaya

Waktu Solat

• Subuh	5:47	• Asar	4:23
• Syuruk	7:05	• Maghrib	7:20
• Zuhur	1:14	• Isyak	8:31

SENYUM KAMBING

Amah lari, majikan rugi RMI bilion.



Di mana silapnya?

Dalam Negeri

Akibat 105,000 pembantu rumah cabut lari sejak tahun 2008

Majikan Malaysia rugi lebih RM1 bilion

KUALA LUMPUR 24 April - Sebanyak 105,119 pembantu rumah warga asing dilaporkan melarikan diri daripada majikan sejak dari tahun 2008 sehingga 2013 sekali gus menimbulkan pelbagai persoalan termasuk ke mana mereka menghidang dan di mana silapnya.

Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Bahagian Kawalan), Datuk Sakib Kusni (gambar) berkata, jumlah itu tidak termasuk kes-kes yang tidak dilaporkan kepada jabatan tersebut berhubung kehilangan pembantu rumah yang dianggarkan 21,000 orang.

"Secara puratanya kira-kira 12,000 orang pembantu dilaporkan hilang setiap tahun dan seterusnya menyebabkan kesemua mereka menjadi pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Sekiranya bayaran untuk mendapatkan seorang pembantu rumah berjumlah RM10,000 maka majikan di Malaysia kerugian kira-kira RM1 bilion sejak tahun 2008," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini semalam.

Sakib memberitahu, jumlah tersebut cukup besar memandangkan terdapat pelbagai kemungkinan yang berlaku kepada mereka yang pada asalnya masuk sebagai pembantu rumah tetapi berakhir dengan menjadi PATI.

Malah, beliau juga tidak menolak kemungkinan kes tersebut turut didalangi agensi pembantu rumah asing memandangkan kes itu amat besar.

"Lebih membimbangkan golongan itu dikuatir menjadi mangsa pemerdagangan manusia dan seterusnya menjadi penyumbang kepada pelbagai masalah jenayah serta sosial di negara ini.

"Sebab itu, Imigresen sentiasa mengadakan pelbagai operasi se-

MUKADIMAH

FENOMENA pembantu rumah warga asing melarikan diri dari kediaman majikan kini seolah-olah sudah menjadi perkara biasa dalam kalangan penduduk negara ini, dan seolah-olah tiada penghalang dan penyelesaiannya.

Statistik Jabatan Imigresen menunjukkan lebih 105,000 kes pembantu rumah warga asing yang melarikan diri dilaporkan sejak tahun 2008 sehingga kini, dengan anggaran nilai kerugian berjumlah RM1 bilion ditanggung oleh majikan, iaitu rakyat Malaysia.

Ini kerana pembantu rumah yang diharapkan dapat membantu mereka, telah lari dan akibatnya wang yang dibayar kepada ejen dan agensi pem-

Laporan Khas

bantu rumah warga asing kebanyakannya lebur.

Apalah punca kes pembantu rumah ramai warga asing melarikan diri? Adakah kerana majikan di Malaysia garang, atau kerana wujud kekosongan oleh sindiket memablitkan agensi dengan pembantu rumah lusutan?

Ikuti, laporan khas wartawan Utusan Malaysia, MOHD. TERMIZI CHE ANUAR dan NORHIDAYU MOHD. HASSAN yang menyingskap permasalahan ini.

cara berterusan termasuk mencari dalang-dalang yang terlibat dalam usaha membanteras kes seperti itu daripada terus berlaku," katanya.

Selain itu, masyarakat juga sering kali diperdagangkan dengan pelbagai alasan klise mengapa pembantu rumah asing sanggup melarikan diri untuk menjadi orang buangan.

Ada antara mereka menggunakan alasan lari kerana majikan terlalu garang, lari kerana cinta dan kebebasan, lari kerana

tidak mahu pulang setelah kontrak tamat dan banyak lagi alasan lain yang kadangkala tidak masuk akal.

Walaupun pasport dan permit dipegang majikan tetapi mereka tetap melarikan diri sehingga sanggup bertatung nyawa seolah-olah di luar sana lebih bebas.

Apa juga alasan diberi, daripada masuk sebagai pembantu rumah yang sah memperoleh gaji sehingga

RM700 sebulan termasuk disediakan tempat tinggal dan segala keperluan, malangnya ramai daripada golongan itu sanggup menjadi PATI.

Difahamkan, ada pakatan memablitkan agensi dan pembantu rumah demi mengaut keuntungan.

Ada yang dilaporkan melarikan diri tidak lama selepas majikan mengeluarkan ribuan ringgit untuk mendapatkan khidmat pembantu rumah daripada ejen malah ada juga kes tidak sampai 24 jam tiba sudah cabut lari.

Semua ini menimbulkan pelbagai persoalan. Jika tidak, bagaimana mungkin seorang pembantu rumah yang rata-ratanya datang daripada Indonesia serta tidak tahu selok belok negara ini mampu melarikan diri keluar daripada rumah majikan?

Atau, adakah benar majikan di negara ini garang atau suka melayan pembantu rumah yang digaji untuk menjaga ahli keluarga seperti hamba walaupun mereka sedar risiko kemungkinan mendapat balasan buruk akibat perbuatan tersebut.



PEMBANTU rumah yang bekerja dengan majikan di Kuala Lumpur. - GAMBAR HIASAN

STATISTIK PEMBANTU RUMAH ASING LARI BAGI TAHUN 2008-2013 MENGIKUT WARGANEGARA

WARGANEGARA	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH BESAR
Indonesia	22,494	16,895	17,538	16,240	12,336	9,025	94,529
Bangladesh	1	1	2	1	1	2	8
Nepal	2	6	5	3	5	1	22
Myanmar	7	6	2	5	6	8	34
India	8	11	25	33	46	49	172
Vietnam	8	22	42	74	69	48	263
Filipina	313	290	450	738	1,126	1,160	4,077
Pakistan	-	-	-	-	-	-	-
Thailand	11	14	11	12	18	7	73
Cambodia	240	286	875	1,263	1,610	1,093	5,367
China	1	1	-	-	1	-	3
Sri Lanka	64	72	86	137	156	113	564
Laos	-	-	-	1	1	1	3
Lain-lain	-	1	-	-	1	1	4
JUMLAH	23,149	17,606	19,036	18,508	15,376	11,508	105,119

* Data diabaikan memandangi sistem mVIMMs & visa pas

Habis lebih RM50,000 pembantu rumah lari

KUALA LUMPUR 24 April - "Saya sangkakan langkah menggunakan perkhidmatan ejen akan memudahkan segala urusan pengambilan pembantu rumah warga asing, sebaliknya tindakan itu hanya menambahkan beban."

Itu luahan daripada Nurul Huda, 50-an (bukan nama sebenar), yang pernah kerugian lebih RM50,000 setelah beberapa kali pembantu rumah yang diambil bekerja melalui ejen melarikan diri selepas tidak sampai seminggu bekerja dalam tempoh 5 tahun.

Bagai jatuh ditimpa tangga, Nurul Huda memberitahu, beliau juga terpaksa menjelaskan denda RM250 apabila setiap kali pembantu rumahnya melarikan diri.

Beliau yang juga ahli perniagaan berkata, bagi mendapatkan seorang pembantu rumah, dia terpaksa mengeluarkan kos antara RM7,000 hingga RM9,000.

"Saya dijanjikan akan mendapatkan seorang pembantu rumah yang mempunyai visa dan permit pekerjaan yang sah oleh beberapa agensi berdaftar dengan jaminan boleh diganti sekiranya tidak berpuas hati.

"Setelah wang dibayar, pembantu rumah itu biasanya akan berpura-pura rajin tetapi mereka akan menghilangkan diri pada waktu malam tanpa disedari. Apabila sudah lari, agensi pula enggan bertanggungjawab," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini baru-baru ini.



Malah, Nurul Huda juga menjelaskan, ada juga kes pembantu rumah yang dibekalkan sebenarnya menggunakan dokumen palsu setelah melaporkan ke Jabatan Imigresen.

Beliau juga memberitahu, pembantu rumah tidak sepatutnya diberi keistimewaan untuk memiliki telefon bimbit sendiri yang dilihat antara faktor memudahkan mereka melarikan diri.

"Sekiranya pembantu rumah

tidak mempunyai telefon bimbit sudah pasti sukar bagi mereka yang baharu pertama kali masuk ke negara ini untuk merancang melarikan diri.

"Sekarang saya tidak lagi membenarkan pembantu rumah saya memiliki telefon bimbit. Sekiranya mereka mahu menghubungi ahli keluarga, saya akan memberikan telefon bimbit sendiri untuk digunakan dan cara itu lebih selamat dan efektif," katanya.

DATE: 25 APRIL 2014 (FRIDAY)

MEDIA: THE STAR – MORE CASES OF TUBERCULOSIS APPEAR- PG.12

